

Elak buruk sangka, ramalan khurafat ketika dilanda banjir



Pensyarah
Universiti
Malaysia Pahang

Oleh Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham
bhagama@bh.com.my

Banjir melanda negara memberikan banyak pengajaran dari sudut pandang beragama. Segelintir umat Islam secara terang-terangan mengembalikan ujian banjir ini kepada apa ditafsirkan sebagai dosa dan kesalahan yang khusus.

Kononnya pematuan prosedur operasi standard (SOP) seperti penjarakan saf sebagai sebab berlakunya banjir. Begitu juga tuduhan masjid melarang umat Islam solat seperti kebiasaan sebagai mengundang murka Allah SWT.

Dalam hadis, diriwayatkan Nabi SAW akan kelihatan gelisah apabila melihat awan mendung dan angin kencang, lalu memohon kepada Allah SWT agar diberikan kebbaikannya serta berlindung agar terpelihara daripada keburukan angin berkenaan.

Rasulullah SAW menjelaskan Baginda bimbang sekiranya itu azab seksaan Allah SWT seperti pernah diturunkan kepada umat terdahulu.

Bencana alam sebagai hukuman kepada umat terdahulu disebut berulang kali dalam al-Quran. Hukuman ini jelas disebabkan keengganan mereka beriman dengan ajaran tauhid dan bongkak terhadap Nabi AS diutus kepada mereka.

Bagi umat Nabi Muhammad SAW, kebanyakan dosa diampunkan Allah SWT. Allah SWT berfirman, *"Dan apa jua menimpa kamu daripada sesuatu kesukasan (atau bala bencana), maka ia disebabkan apa kamu lakukan (daripada perbuatan salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar daripada dosa kamu."* (Syura: 30)

Allah SWT juga berpesan bala bencana akibat dosa tidak sekadar ditimpakan ke atas golongan melakuk dosa sahaja. Firman Allah SWT: *"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah Allah Maha Berat azab seksa-Nya."* (Al-Anfal: 25)

Namun, berdasarkan panduan hidup Nabi Muhammad SAW, Baginda tidak pernah mengetahui apatah lagi menjelaskan bencana atau wabak penyakit menimpa umatnya adalah disebabkan sebarang perbuatan khusus dilakukan orang beriman, walaupun Baginda sendiri gelisah melihat tanda awal hujan lebat.

Justeru, mengapa begitu pantas pemikiran segelintir umat Islam saling menuding jari menyatakan ujian banjir melanda negara kita disebabkan apa dilihat mereka sebagai satu kesalahan dan dosa?

“Cara berfikir ini amat bercanggah dengan sunah Nabi SAW dalam berhadapan dengan musibah”

Cara berfikir ini amat bercanggah dengan sunah Nabi SAW dalam berhadapan dengan musibah. Amat sukar mempercayai ada umat Islam sanggup bertindak menjadi 'jurucakap' kepada Allah SWT.

Hakikatnya, Islam mengajar ujian bencana itu, selain bersifat bala akibat dosa, turut bersifat sebagai penghapus dosa bagi orang beriman sabar, selain menaikkan darjat manusia bijaksana mengurusannya sebagai khalifah di bumi.

Hasil cara berfikir ini, menyebabkan ada sanggup mendoakan kecelakaan, agar musibah banjir ini terus berpanjangan melanda rakyat Malaysia. Nabi Muhammad SAW menganjurkan umatnya agar berdoa kesejahteraan kepada semua. Hanya umat derhaka kepada Nabi AS terdahulu sahaja meminta agar segera diturunkan azab seperti yang pernah dilakukan kaum Nabi Nuh dan Lut.

Pada masa sama, antara cabaran akidah dalam

musim banjir ialah dakwaan wujud perkiraan falak meramalkan selepas dunia dilanda wabak, akan disusuli banjir besar dan seterusnya kemarau berpanjangan membawa kepada huru-hara.

Sekali lagi, corak berfikir begini amat membimbangkan. Sejak zaman Nabi Muhammad SAW, peristiwa banjir dan wabak penyakit pernah berlaku. Disusuli dengan zaman sahabat, generasi kemudian hingga ke akhir zaman, ujian kesukasan bersifat bencana alam dan wabak penyakit akan terus berlaku atas kehendak Allah SWT.

Antara teras dalam iman umat Nabi Muhammad SAW ialah kepercayaan kepada qada' dan qadar. Manusia dilarang daripada percaya kepada ramalan bukan empirikal. Apatah lagi sekiranya ramalan itu berpandukan kepada astrologi diharamkan dalam agama.

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesiapa mempelajari ilmu perbintangan, maka dia mempelajari sebahagian daripada sihir." Baginda menambah celanya terhadap apa sudah dicelanya. (Hadis riwayat Abu Daud)

Astrologi atau ilmu perbintangan (tanjim), sebahagian daripada cabang astronomi Barat. Islam menolak corak faham kebatinan Barat termasuk astrologi dan budaya meramalkan sesuatu sama ada dengan sandaran kosmologi, bantuan syaitan atau agak-agakan.

Astrologi Barat banyak bergantung kepada corak, kitaran dan pusingan. Sedangkan Islam menyeru manusia agar merenung dan mentadabur kejadian Tuhan sebagai tanda kebesaran. Seruan tadabur inilah melahirkan sarjana Muslim yang menjadi kajian empirikal sebagai asas dalam sains.

Adalah lebih utama bagi umat Islam di negara ini agar bersama-sama mendoakan kesejahteraan mangsa banjir, sekali gus menghulurkan bantuan termampu. Elakkan fitnah dan saling menuding jari, sebaliknya sebarikan semangat positif dengan saling bantu-membantu.

Ujian banjir ini boleh menjadi ladang kita mendapat pahala tetapi boleh juga menjadi semak menyemai dosa. Moga mangsa banjir akan terus tabah dan semakin kuat bergantung kepada Allah SWT.